



Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia bagi mengikuti program berikut:

- Nama Program : **1 DIPLOMA KEJURURAWATAN (MQA / FA 8919)**  
**2 DIPLOMA RADIOGRAFI (MQA / SWA 0812)**  
**3 DIPLOMA TEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN (MQA / SWA 0813)**
- Umur : **Berumur 18 hingga 22 tahun**
- Taraf Perkahwinan : **Bujang**
- Tempat Pengajian : **Pusat Perubatan Universiti Malaya dan Fakulti Perubatan Universiti Malaya**
- Tempoh Program : **3 Tahun (Sepenuh Masa)**
- Kelayakan Akademik : **Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya dan mendapat-**  
**(a) KEPUJIAN dalam Bahasa Melayu (termasuk LULUS ujian lisan), Bahasa Inggeris, Matematik dan LULUS mata pelajaran Sejarah, SERTA**  
**(b) Bagi Program (1) memperoleh KEPUJIAN dalam dua mata pelajaran dan salah satu mata pelajaran adalah Sains Teras atau Sains Tulen (keutamaan dalam mata pelajaran Biologi)**  
**(c) Bagi Program (2) memperoleh KEPUJIAN dalam dua mata pelajaran Sains Tulen (keutamaan dalam mata pelajaran Fizik dan Biologi)**  
**(d) Bagi Program (3) memperoleh KEPUJIAN dalam dua mata pelajaran Sains Tulen (keutamaan dalam mata pelajaran Kimia dan Biologi)**
- Taraf Kesihatan : **Sihat fizikal dan mental serta tidak mengalami kecacatan yang menjadikannya tidak sesuai untuk mengikuti latihan.**
- Penajaan : **Program (1) sahaja yang ditaja oleh PPUM. Program (2) dan (3) boleh memohon pembiayaan pengajian melalui PTPTN atau lain-lain badan penajaan.**
- Ikatan Perjanjian : **Calon-calon yang berjaya menamatkan Diploma Kejururawatan dikehendaki berkhidmat dengan Pusat Perubatan Universiti Malaya selama 5 tahun.**
- Tarikh Permohonan : **11 MAC 2018 Hingga 27 MAC 2018**
- Tarikh Tutup Permohonan : **27 MAC 2018 (sehingga 12.00 tengah malam)**
- Tarikh Pendaftaran : **8 JULAI 2018**

### CARA PERMOHONAN

1. Permohonan hanya boleh dibuat secara *online* sahaja melalui <http://spp.ummc.edu.my> atau melalui laman web kami di <http://www.ummc.edu.my>. Pemohon perlulah membeli ID PPUM yang boleh didapati di Bank Simpanan Nasional berharga **RM10.06** untuk membuat permohonan (termasuk RM1.00 caj perkhidmatan Bank Simpanan Nasional + RMO.06(GST)). No. Pin boleh dibeli mulai **5 Mac 2018**. Pemohon atau wakilnya hendaklah membawa bersama kad pengenalan baru atau salinan kad pengenalan baru pemohon untuk mendapatkan ID PPUM. Slip pembayaran hendaklah disimpan sebagai rujukan dan ID PPUM perlulah dirahsiakan.
2. ID PPUM juga boleh digunakan untuk menyemak panggilan temuduga (Program 1 sahaja) melalui laman web PPUM mulai **6 April 2018** hingga **11 April 2018**. Keputusan permohonan/temuduga akan diumumkan mulai **28 Mei 2018** hingga **3 Jun 2018**.
3. Borang permohonan secara *online* perlu diisi dengan lengkap dan maklumat yang betul. Borang yang tidak lengkap tidak akan diproses.

**PERHATIAN : Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga.**